



Ruj Kami : JANM.TAW.800-1/1 (4)  
Tarikh : 28 April 2021

**KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB  
TAWAU, KUNAK, SEMPORNA DAN LAHAD DATU**

Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN DOKUMEN SOKONGAN BAGI PERMOHONAN AK52 KUASA  
TETAP PANJAR WANG RUNCIT ,PANJAR KHAS DAN KUMPULAN WANG  
SEKOLAH.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman pihak tuan/puan, selaras dengan **para 3.2 SPANM 6/2018** iaitu *Ketua Jabatan/ Pemegang Waran Peruntukan PTJ/ Pemungut hendaklah menyelenggara Kebenaran Khusus Secara Bertulis bagi menyokong Jadual Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal kepada Pegawai Perakaunan dengan menyediakan butir-butir nama, jawatan dan lain-lain yang berkenaan dinyatakan supaya Penetapan Kuasa dan Tugas dalam format AP 11 tersebut lebih jelas seperti berikut:  
3.2.1 (1) PTJ perlu melengkapkan borang yang berkaitan seperti berikut: (ii) Borang AK52 Kuasa Tetap Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas.*
3. Sehubungan itu, pejabat ingin memohon kerjasama daripada pihak tuan/puan untuk melengkapkan 3 salinan bagi Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas dan 5 salinan bagi Kumpulan Wang Sekolah dokumen-dokumen sokongan seperti berikut untuk tujuan permohonan kelulusan AK 52 ke pejabat ini ;
  - i. Borang AK52 yang telah di tandatangani oleh Ketua Jabatan
  - ii. Salinan Kad Pengenalan yang diakui sah bagi pegawai yang dilantik
  - iii. Jadual Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal Kepada Pegawai-Pegawai Di Bawah Kawalannya – Pusat Tanggungjawab (PTJ) – AP11 (**Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas**)

Ruj Kami : JANM.TAW.800-1/1 (4)  
Tarikh : 28 April 2021

- iv. Salinan minit mesyuarat pertukaran kuasa menandatangan cek  
**(Kumpulan Wang Sekolah)**
- v. Sila pastikan senarai pegawai yang dilantik selari dengan para 5.10  
Kuasa Menandatangan Cek – Tatacara Pengurusan Perakaunan  
Kumpulan Wang Sekolah **(Kumpulan Wang Sekolah)**
4. Perhatian dan kerjasama pihak tuan / puan ke atas perkara ini amatlah  
diharapkan.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"***

Saya yang menjalankan amanah,

**(NIZAM BIN LIMUN C.A(M), ACMA, CGMA)**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,  
Cawangan Tawau.